


Bahagian A**[60 markah]**Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi.



Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik B.

[3 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu peranan kerajaan dalam satu sistem ekonomi.

KUALA LUMPUR – Campur tangan kerajaan menerusi subsidi dan kawalan harga telah membantu mengekang inflasi di Malaysia yang tanpanya negara mungkin mencatatkan angka lebih tinggi berbanding inflasi keseluruhan 4.4 peratus pada Julai, kata ahli-ahli ekonomi.

Sumber diubah suai: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/30 Ogos 2022>

Mengapa kerajaan mengambil tindakan tersebut?

[5 markah]

- (c) Jadual 1 menunjukkan penawaran terhadap beg galas.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)	
	Firma A	Firma B
10	20	10
30	35	25

Dengan menggunakan kertas graf , lukiskan keluk penawaran pasaran dan jelaskan pembentukannya.

(KERTAS GRAF DIKEPILKAN DI BELAKANG KERTAS SOALAN)

[6 markah]

- (d) Jadual 2 menunjukkan perubahan kuantiti diminta bagi suatu jenis barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
15	90
25	60

Firma wajar menaikkan harga barang dari RM15 ke RM25 untuk meningkatkan jumlah hasilnya. Buktikan.

[6 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan bank perdagangan.

Encik Amri seorang pemilik pasaraya yang mempunyai akaun semasa di Bank Sentosa.Beliau bercadang membuat pinjaman kerana mengalami masalah aliran tunai untuk menambah stok modal

- (i) Jelaskan kemudahan pinjaman tersebut.

[2 markah]

[2 markah]

- (ii) Mengapa Encik Amri memilih kemudahan pinjaman tersebut?

[3 markah]

- (b) Gambar berikut berkaitan dengan pekerjaan



Gambar A



Gambar B

Corak perbelanjaan bagi kedua-dua kumpulan pekerja tersebut berbeza. Jelaskan.

[5 markah]

- (c) (i) Jelaskan konsep untung.

[2 markah]

- (ii) Maklumat berikut berkaitan dengan kos yang terlibat dalam pengeluaran sebuah syarikat.

Kos bahan mentah	RM10 000
Kos upah buruh	RM25 000
Sewa bangunan kilang	RM8 000
Kos bahan api	RM5 000

Hitung jumlah untung syarikat tersebut sekiranya mengeluarkan 2650 helai tudung dan menjualnya pada harga RM25. Berikan justifikasi anda.

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan eksternaliti.

Putrajaya: Kilang haram yang menjalankan aktiviti peleburan logam menjadi masalah kepada penduduk di kawasan sekitar Sungai Petani, Kedah. Jabatan Alam Sekitar menerima banyak aduan daripada penduduk.

Sumber diubah suai: <https://www.sinarharian.com.my.22> September 2021

Jelaskan kos sosial yang wujud daripada situasi tersebut.

[4 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Kota Bharu: Memilih kerja antara faktor menyebabkan kadar pengangguran di Kelantan masih tinggi

Ramai dalam kalangan rakyat negeri ini yang memilih kerja dan tidak mahu keluar dari Kelantan serta mahu kerja di negeri sendiri.

Sumber diubah suai: Harian Metro, 7 May 2023

Jelaskan sebab berlakunya jenis pengangguran tersebut.

[5 markah]

- (b) Firma berikut beroperasi di Malaysia.



Mengapakah firma tersebut diklasifikasikan sebagai syarikat multinasional?.

[5 markah]

- (c) Jelaskan kelebihan yang dapat diperoleh oleh firma sekiranya negara melaksanakan liberalisasi perdagangan.
-

[5 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Dolar Amerika Syarikat (USD) berbanding Ringgit Malaysia (RM) bagi tempoh tiga tahun.

Kadar Pertukaran	01/02/2021	01/02/2022	01/02/2023
RM bagi seunit USD	4.0425	4.1855	4.2635

Sumber diubah suai:<https://www.exchange-rates.org/exchange-rate-history/usd-myr>
 (i) Jelaskan perubahan kadar Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Amerika Syarikat (USD) pada jadual diatas.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran pada Feb 2021 kepada Feb 2023 terhadap harga eksport dan import Malaysia.
-
-
-

[3 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

4 Petikan berikut berkaitan dengan tindakan kerajaan.

PENGELUARAN KHAS KWSP 10K DIBENARKAN

Menurut Ismail Sabri, ini merupakan keputusan yang sukar kerana ia melibatkan simpanan hari tua rakyat dan pengeluaran khas ini adalah jalan tengah dalam mengimbangi antara keperluan mendesak hari ini dan simpanan masa hadapan.

"Walaupun Kerajaan memberikan kebenaran untuk pengeluaran khas KWSP ini, namun saya merayu kepada para pencarum supaya mengekalkan simpanan mereka kecuali keadaan benar-benar mendesak."

Sumber : diubah suai daripada <https://www.bharian.com.16> Mac 2022

- (a) Jelaskan jenis potongan wajib berdasarkan petikan tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan kesan pelaksanaan tindakan tersebut kepada pencarum pada masa tua.

[7 markah]

- (c) Tindakan kerajaan tersebut memberi manfaat kepada masyarakat. Kemukakan hujah anda.

[9 markah]

5 Rajah berikut menunjukkan salah satu perbelanjaan kerajaan.



- (a) Jelaskan jenis perbelanjaan kerajaan yang terdapat dalam rajah di atas.

[4 markah]

- (b) Jelaskan kesan tindakan kerajaan tersebut terhadap pasaran barang.

[7 markah]

- (c) Setujukah anda pemberian bantuan tersebut memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kemukakan alasan.

[9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan kerajaan

PUTRAJAYA : Kementerian Kesihatan (KKM) akan memastikan proses transisi jawatan doktor kontrak ke jawatan tetap akan di selesaikan dan tempat lama mereka diganti segera. Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pihaknya akan mempertimbangkan penggantian itu terutama kekosongan tempat yang ditinggalkan doktor kontrak sebelum ini.

- (a) Terangkan faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan tersebut.

[6 markah]

- (b) Jelaskan kepentingan perkhidmatan tersebut kepada masyarakat.

[5 markah]

- (c) Setujukah anda bahawa masalah tersebut akan semakin meruncing jika kerajaan tidak mengambil tindakan segera. Kemukakan alasan.

[9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar ekonomi negara.

= LABUAN: Perbadanan Labuan menggariskan pelan jangka pendek serta panjang bagi menarik pelabur luar ke pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa Labuan. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rithuan Ismail, berkata antara pelan yang sedang dan akan diambil oleh agensi itu ialah mewujudkan kerjasama yang lebih erat dengan semua agensi pelaburan termasuk di koridor ekonomi Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Sumber diubahsuai BH online Februari 1, 2023

- (a) Jelaskan faedah sosial yang timbul daripada aktiviti tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan tindakan yang perlu dilakukan oleh kerajaan untuk menjayakan dasar tersebut.

[7 markah]

- (c) Tindakan kerajaan tersebut memberi kesan ke atas Ringgit Malaysia. Kemukakan hujah anda secara terperinci.

[9 markah]

=KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT=